

22 OCT 1999

Fokus-Jubli Perak BN (Pertama dari dua-bahagian)
BARISAN NASIONAL FORMULA POLITIK TERUNGGUL

Oleh: Ahmad Fuad Yahya dan Harlina Samson

(untuk siaran sempena sambutan Jubli Perak BN, Ahad 24 Okt)

KUALA LUMPUR: Apabila Barisan Nasional (BN) ditubuhkan 25 tahun lalu oleh Perdana Menteri kedua (Allahyarham) Tun Abdul Razak Hussein, ia dihalakan kepada pendekatan serius percantuman politik kebangsaan, dan hari ini BN membuktikan dirinya sebagai formula politik Malaysia paling unggul.

Formula politik ini dihasilkan setelah Malaysia melalui beberapa ujian getir di peringkat awal kemerdekaan termasuk peristiwa berdarah rusuhan kaum 13 Mei 1969.

Peristiwa itu merupakan "turning point" atau titik perubahan penting dalam politik Malaysia kerana ia mendorong tokoh-tokoh politik ketika itu mencari jalan penyelesaian terbaik dan hasilnya tercetus muafakat politik oleh semua etnik dan suku kaum menerusi konsep perkongsian kuasa.

Barisan Nasional, terdaftar pada 1 Jun 1974, merupakan sebuah parti politik yang unik kerana ia tidak dianggotai oleh individu tetapi oleh parti-parti politik sebagai anggota komponen.

Kini, dengan lebih 4 juta anggota keluarga daripada pelbagai parti, BN akan merayakan ulangtahun ke-25nya pada perhimpunan raksasa kira-kira 100,000 orang di Bukit Jalil Ahad ini (24 Okt).

Perayaan Jubli Perak itu yang bertema "Teguh Padu Ke alaf Baru" akan turut disambut serentak di peringkat negeri pada malam yang sama.

Pada malam itu para anggota keluarga BN dan seluruh rakyat akan mendengar amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang antara lain akan menyorot sejarah penubuhan dan perjuangan BN selama suku abad lampau.

Sambutan perayaan ulangtahun itu penting untuk mempamerkan kekuatan dan perpaduan di kalangan para anggota komponen BN bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

BN tidak pernah tewas dalam pilihan raya umum bagi membentuk kerajaan persekutuan sejak 1974 dan jika diambilkira sejak zaman parti Perikatan, kerajaan yang ada sekarang sudah menang kesemua sembilan pilihan raya umum dalam tempoh 42 tahun.

Sewaktu ditubuhkan, BN mempunyai sembilan anggota komponen iaitu Umno, MCA, MIC, PAS, Gerakan, PPP, SUPP, PBB dan Perikatan Sabah. PAS bagaimanapun disingkirkan pada 1977.

Kini BN mempunyai 14 anggota komponen iaitu lima parti dari Semenanjung - Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP; lima dari Sabah iaitu SAPP, LDP, PBRS dan PDS (ditukar nama kepada UPKO - United Pasok Momogun Kadazandusun Organisation - pada 8 Ogos lepas); dan empat dari Sarawak iaitu SUPP, PBB, SNAP dan PBDS.

Sepanjang tempoh 25 tahun BN telah memecat dua parti komponen iaitu PAS dan Usno sementara beberapa parti komponen lain termasuk Berjaya, Berjasa, Hamim dan PBS menarik diri atau keluar dari parti itu, tetapi semua perkembangan itu tidak pernah melemahkan BN malah menjadi semakin kuat.

Kekuatan BN ditunjangi oleh Umno dan selagi Umno kekal teguh, BN tidak mudah goncang. Parti-parti komponen BN sentiasa mengharapkan bahawa Umno terus dapat mengekalkan kekuatannya.

Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat berkata, perayaan itu wajar diadakan kerana banyak orang sudah lupa sejarah negara sebelum merdeka dan bagaimana orang Barat memandang hina kemampuan orang Malaysia yang dianggap bodoh dan malas, untuk membangunkan negara.

"Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya.

Orang Barat tidak boleh bayangkan bahawa kita semua boleh hidup bersatu padu, mereka fikir kalau kita merdeka kita akan gunakan segala masa, tenaga dan kekayaan yang ada untuk menyelesaikan soal kepelbagaian.

"Dianggap kita akan terus bergelumbang dengan masalah pertikaian kaum, perkelahian agama dan perkelahian berasaskan kepada kebudayaan seperti yang terdapat di banyak tempat di dunia," katanya.

Orang barat beranggapan begitu kerana mereka masih belum dapat menyelesaikan masalah etnik di negara masing-masing dan ia menjadi salah satu isu utama dunia di penghujung abad ke-20 ini.

Mohamed, yang juga bekas Menteri Penerangan berkata, etnik akan terus menjadi isu di alaf yang akan datang dan mengancam banyak negara serta kerajaan kerana ramai orang lebih berani menuntut hak asasi manusia dan ia sebenarnya menjadi bom jangka kepada mana-mana negara yang mempunyai masalah etnik.

Kejayaan Malaysia menyelesaikan masalah etnik melalui formula politik yang diperkenalkan oleh BN telah menarik perhatian dunia malahan banyak tokoh-tokoh dari luar negara datang ke sini untuk mempelajari bagaimana menangani isu kepelbagaian atau isu etnik ini, katanya.

"Kita bersyukur bahawa pengasas-pengasas negara telah melihat dari segi jangka panjang tentang Malaysia. Ada keinsafan pada mereka, bagi Malaysia tidak boleh satu kaum memerintah, semua kaum mesti ada kerjasama," katanya lagi.

BN adalah tidak asing kepada Mohamed, kerana beliau adalah salah seorang anggota rombongan Tun Abdul Razak dalam lawatan bersejarah ke China bagi menjalin perhubungan diplomatik pada 1974. Pada ketika itu Mohamed mewakili Pergerakan Pemuda Umno.

Tun Abdul Razak mengumumkan penubuhan BN sekembalinya dari lawatan ke China.

Mohamed berkata, sungguhpun pada peringkat awal kemerdekaan, bilangan orang Melayu lebih besar daripada kaum lain di negara ini, dan mempunyai kekuatan untuk memerintah sendiri, namun ia tetap mengajak kaum lain sama-sama berkongsi kuasa pemerintahan. - Bernama

AFY HS RS